

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN METROVISION

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 18 SEP 1995

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada City Television Sendirian Berhad kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran satu lagi rangkaian televisyen swasta, iaitu Metrovision pada malam ini.

2. Bidang penyiaran terutama televisyen telah berkembang dengan begitu pesat sekali di negara kita. Dunia penyiaran televisyen negara telah mengalami perubahan besar sejak wujudnya rangkaian televisyen swasta yang pertama, iaitu TV3 kira-kira 11 tahun lalu. Persaingan yang hebat berlaku di antara stesen televisyen Kerajaan, iaitu TV1 dan TV2 dengan TV3. Kedatangan stesen TV swasta ini telah mencetuskan perubahan yang ketara pada stesen-stesen RTM yang terpaksa `bekerja keras' untuk meningkatkan mutu penyiaran mereka bagi menawan penonton yang mula mempunyai pilihan.

3. Kini satu lagi stesen swasta diwujudkan, iaitu Metrovision atau TV4. Persaingan antara stesen-stesen televisyen tempatan dijangka bertambah sengit dengan munculnya satu lagi rangkaian TV swasta ini dan perkembangan ini adalah baik bagi dunia penyiaran negara. Penonton TV sudah pasti mempunyai lebih pilihan untuk menonton saluran-saluran yang dapat memenuhi selera mereka.

4. Metrovision merupakan saluran televisyen untuk Lembah Kelang yang meliputi kawasan Kuala Lumpur hingga Kelang dan sebahagian kawasan Seremban dan Rawang. Berbeza daripada tiga saluran yang ada sekarang yang penyiarannya meliputi seluruh negara, saluran TV4 adalah khusus untuk penonton yang berada di kawasan-kawasan bandar yang disebutkan tadi.

5. Walaupun penyiaran saluran Metrovision terhad, peranan dan tanggungjawab mana-mana stesen televisyen di negara kita pada prinsipnya masih sama. Semua stesen televisyen mempunyai tanggungjawab sosial dan nasional kepada masyarakat dan negara yang sepatutnya melebihi kepentingan keuntungan semata-mata.

6. Seperti juga dengan kebanyakan alatan dan kemudahan lain, televisyen boleh membawa kebaikan dan juga keburukan. Televisyen diiktiraf sebagai satu cara

yang mustajab untuk menyebarkan maklumat, berita, ilmu dan hiburan. Jika maklumat ini ditapis oleh penyiar dengan baik dan bertanggungjawab maka televisyen akan dapat membentuk masyarakat yang berpengetahuan luas, berilmu, berakhlak tinggi dan aman makmur. Sebaliknya jika siaran yang dibuat ditumpu kepada memuaskan nafsu semata-mata, maka penonton televisyen dan masyarakat amnya akan memiliki nilai hidup yang buruk yang boleh menjadikannya masyarakat yang lemah, ganas, tidak berilmu pengetahuan dan kucar-kacir.

7. Malangnya manusia biasa lebih mudah disogok dengan hiburan yang memuaskan nafsu daripada diberi tunjuk ajar, ilmu dan nilai-nilai hidup yang mulia. Dengan itu penyiar televisyen kerap mencari jalan yang mudah untuk mendapat penonton, dengan menyiarkan program untuk memuaskan nafsu semata-mata. Dengan itu siaran cerita-cerita keganasan dan seks dipilih untuk mempopularkan sesuatu stesen televisyen.

8. Dengan persaingan yang hebat antara empat stesen televisyen di Malaysia, 'trend' ke arah siaran keganasan dan seks akan bertambah jika pemilik stesen lupa akan tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan negara. Saya berharap mereka tidak akan pilih jalan mudah ini untuk mencari keuntungan. Jika mereka buat demikian maka negara akan mengalami kerugian yang besar dengan mempunyai rakyat yang tidak berilmu, sepanjang masa berdepan dengan televisyen, asyik untuk dihibur dan memenuhi nafsu semata-mata. Negara yang dipenuhi dengan rakyat jenis ini tetap tidak akan berjaya.

9. Adalah diakui bahawa program yang berkualiti yang mengandungi ilmu dan nilai-nilai yang mulia sukar dicari atau dibuat. Tetapi bukanlah mustahil program seperti ini didapati. Dalam program televisyen negara Barat pun ada banyak program yang baik dan membina yang dapat menarik penonton.

10. Memanglah benar tujuan utama televisyen ialah untuk hiburan. Tetapi hiburan juga boleh membina jika dipilih dengan baik. Drama umpamanya boleh membawa mesej yang membina bagi masyarakat. Demikian juga muzik. Pelajaran yang berguna juga boleh disiarkan melalui televisyen dalam berbagai-bagai bentuk yang menarik. Oleh itu imbangilah antara hiburan dengan penyebaran pengetahuan melalui televisyen.

11. Kita sedang menuju ke arah zaman maklumat atau 'information age'. Hari ini kita masih boleh menapis maklumat yang disampaikan melalui televisyen kerana stesen televisyen memerlukan lesen dan Kerajaan boleh menarik balik lesen atau tidak mengeluarkan lesen. Walaupun demokrat Barat mengecam kita kerana percubaan Kerajaan untuk mengawal siaran televisyen, tetapi kita tidak peduli akan pendapat mereka. Kita percaya tidak ada kebebasan yang mutlak di mana-mana juga termasuk di

Barat.

12. Tidak lama lagi alat-alat yang murah akan diadakan, bahkan boleh dibuat sendiri oleh peminat yang akan membolehkan kita menerima ratusan siaran televisyen dari seluruh dunia. Sudah tentu kita tidak akan dapat menapis siaran-siaran ini secara berkesan.

13. Dalam mengejar keuntungan, penyiar dari negara asing akan mengguna bahan-bahan yang memperalatkan nafsu secara tidak terbatas. Apa sahaja akan disiarkan oleh mereka. Secara langsung menonton program mereka akan menjadikan penonton manusia yang buruk budi pekerti, dikuasai oleh nafsu semata-mata dan hilang haluan.

14. Jika masyarakat antarabangsa tidak dapat bersetuju akan cara-cara mengawal siaran dan menguatkuasakan undang-undang terhadap penyiaran bahan-bahan buruk ini, tidak ada banyak yang boleh dibuat oleh Kerajaan kita. Rakyat Malaysia dan rakyat negara lain juga akan terdedah kepada pengaruh-pengaruh yang boleh memusnahkan bangsa manusia.

15. Masalah yang dihadapi adalah sama dengan masalah yang masyarakat dan pemerintahan dahulu alami apabila mesin cetak dicipta. Ramai yang berpendapat bahawa jika ilmu-ilmu yang telah diterokai semasa itu diperolehi oleh orang ramai melalui buku yang dicetak maka masyarakat akan menjadi kucar-kacir dan memerintah mereka akan sukar dilakukan oleh pemerintah dan Kerajaan. Rakyat boleh dihasuti melalui tulisan rencana buku dan surat layang supaya menentang pihak berkuasa termasuk, di negara Kristian kuasa gereja dan di negara Islam, ulama-ulama. Demikianlah di Turki mesin pencetak yang telah dibeli oleh Kerajaan disembunyikan oleh pihak tertentu buat beberapa dekad.

16. Kita tahu daripada sejarah bahawa percubaan mengharamkan percetakan gagal dan banyaklah ilmu yang berguna dapat dipelajari kerana buku-buku yang dikarang dan disebar. Kita juga tahu bahawa bahan lucah semakin bertambah dan disebar dengan luas. Kita tidak boleh nafi keruntuhan akhlak terutama di Barat adalah disebabkan oleh rencana-rencana anti-sosial dan kotor, dihias dengan gambar-gambar lucah yang disebar dengan luas.

17. Dalam keadaan di mana percetakan adalah bebas masih juga terdapat kelompok-kelompok yang dapat mempertahankan moral dan nilai hidup yang mulia. Ini adalah disebabkan pegangan kuat mereka kepada budaya yang membina dan nilai-nilai hidup yang mulia.

18. Jika kita ingin menangkis gejala siaran televisyen yang tidak terkawal, di samping Kerajaan cuba mengawal, benteng yang terkuat sekali ialah pegangan masyarakat

kepada budaya bangsa dan nilai-nilai hidup yang mulia. Sementara kita masih boleh menguasai siaran yang diterima oleh rakyat kita, bahan-bahan siaran hendaklah juga ditujukan kepada menguatkan benteng budaya dan nilai hidup kita. Jika kita dapat kekalkan budaya bangsa yang mulia dan menanam nilai-nilai hidup yang boleh mempertahankan kita daripada serangan oleh televisyen bebas dunia luar, insya-Allah kita tidak akan mudah dipengaruhi oleh siaran asing ini sehingga runtuh masyarakat kita.

19. Saya tidaklah bermaksud bahawa kita harus menghapuskan sama sekali acara-acara hiburan atau kita secara ekstrim menekankan didikan yang terlalu serius berkenaan dengan akhlak dan budaya. Pendekatan yang keterlaluan hanya akan menyebabkan kumpulan sasaran menolak dan tidak menonton program-program yang serius ini. Dengan itu tujuan tidak akan tercapai.

20. Yang harus dibuat ialah susunan program yang berselang-seli dengan memberi tekanan kepada pembentukan akhlak dan nilai yang mulia secara tidak langsung termasuk melalui hiburan muzik dan juga drama. Jika pada hari ini tekanan adalah kepada juara-juara muzik yang moden, tekanan yang lebih hendaklah diberi kepada mereka yang dapat mencipta muzik dan drama yang mempunyai mesej yang baik dan budaya yang membina di samping menghibur.

21. Kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya. Jika didapati mana-mana stesen televisyen tidak mengambil berat tanggungan sosial dan nasional mereka dan terlalu mengutamakan keuntungan maka terpaksa Kerajaan menarik balik lesen yang telah diberi.

22. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran saluran televisyen baru Metrovision ini.